

28/11/1997

Beras Bernas bertaraf dunia

Nik Yahya Abd Rahman

KOMPLEKS Padiberas Nasional Bhd. (Bernas), Sekinchan, Selangor telah dianugerahi MS ISO 9002 oleh Sirim Bhd kerana kejayaan mereka mengurus dan mengeluarkan beras yang bermutu tinggi.

Penganugerahan MS ISO 9002 bagi Kompleks Bernas Sekinchan yang diselia oleh Sirim Qas Sdn Bhd adalah yang pertama di dalam industri padi dan beras di negara ini, sekali gus telah meletakkan Bernas sebaris dengan 940 buah syarikat lain yang telah diiktiraf Sirim Bhd. Bernas adalah agensi kedua yang diseliai oleh Kementerian Pertanian, selepas Unit Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang menerima anugerah yang sama tahun lalu.

Sempena majlis itu, beras jenama `Sekinchan' dilancarkan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud. Ketika berucap, Dr Sulaiman menegaskan yang pengiktirafan MS ISO 9002 kepada Kompleks Bernas Sekinchan, akan menjadi contoh kepada semua kompleks, gudang-gudang dan anak-anak syarikatnya di seluruh negara.

Dr Sulaiman juga berkata yang hala tuju masa hadapan industri beras negara akan menjurus kepada pertumbuhan status ekonomi dan cara hidup rakyat di negara ini. Perubahan ini sudah pasti mengkehendaki ciri-ciri produk yang berteraskan kepada kualiti.

"Sistem ini merangkumi jaminan kualiti proses-proses pembelian, pemerosesan padi, pengilangan, penggredan, penyimpanan, pembungkusan dan pengedaran beras." Kejayaan mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9002 ini juga menunjukkan Bernas begitu bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan kualiti beras keluaran kompleks-kompleks yang terdapat di seluruh negara," tegas Dr Sulaiman serius.

Pengiktirafan berkenaan membuktikan yang pengurusan Bernas menekankan kualiti beras keluarannya memenuhi standard yang ditetapkan. Seterusnya memberi keyakinan kepada pengguna dan pelanggan bahawa produk atau perkhidmatan yang dihasilkan Bernas mempunyai ciri-ciri kualiti yang diperlukan.

Dengan demikian produk dan perkhidmatan Bernas lebih kompetitif dan bukan sahaja dapat menembusi pasaran tempatan, malahan di peringkat antarabangsa.

Lebih membanggakan apabila anak syarikat Bernas, Bernas Overseas Limited berjaya menandatangani perjanjian usahasama (MoU) dengan Thai Hua Limited dan Huay Chuan Co. Limited, Thailand baru-baru ini di Kuala Lumpur yang disaksikan Dr Sulaiman.

Kerjasama berkenaan telah melonjakkan Bernas ke taraf dunia kerana ketiga-tiga syarikat gergasi beras itu mempunyai kepakaran masing-masing, yang mampu mengeluarkan beras bermutu tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa yang dijangka mampu memenuhi permintaan Hong Kong dan China.

Disamping itu, lebih mengharumkan nama negara apabila Bernas berjaya membuktikan komitmen kerajaan untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi Guinea, selepas projek penanaman padi yang diusahakannya di negara itu di antara syarikat kerjasama So Ciete Bernas de Guinea dikenali Sobergui membuahkan hasil sulung.

Sobergui melibatkan modal AS\$10 juta, dengan modal berbayar AS3.4 juta.

Bernas memegang 80 peratus daripada ekuiti berkenaan dan bakinya 20 peratus dimiliki kerajaan Guinea yang sedang mengusahakan 800 hektar tanah daripada 1,800 hektar tanah yang dipersetujui kerajaan untuk diserahkan kepada syarikat berkenaan.

Dr Sulaiman turut hadir sebagai wakil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertanggungjawab membawa pelaburan Malaysia ke negara itu yang telah menyaksikan acara penuaian padi dan perasmian kilang memproses padi pertama di daerah Monchon yang dimiliki syarikat Soberg.

Kita juga sedar yang pengguna kini lebih memberikan perhatian kepada kualiti barangan, seperti beras yang menjadi makanan asasi kebanyakan penduduk di dunia dan di masa yang sama mereka memberikan perhatian terhadap keselamatan makanan.

Mengenai beras jenama `Sekinchan' pula adalah bersesuaian dengan kawasan yang mengeluarkan padi bermutu berkenaan adalah satu daripada kawasan pengeluaran padi yang mempunyai hasil keluaran yang paling tinggi di Malaysia.

Beras Sekinchan mempunyai ciri-ciri aroma yang istimewa, kandungan amilos yang rendah iaitu 29.5 peratus dan saiz ukuran biji yang melebihi 6.2mm, putih dan kandungan hancur yang rendah semasa proses pengilangan dilakukan. Beras ini setanding dengan beras yang diimport dari luar negara.

Dari segi pengedaran, Jasmine Food Corporation Sdn Bhd (anak syarikat Padiberas Nasional Bhd) telah berjaya memasarkan beras jenama Sekinchan yang secara langsung kepada pengguna seluruh negara melalui rangkaianannya. Dalam meningkatkan pengeluaran beras negara, di bawah Rancangan Malaysia Ke tujuh (RMK7), tumpuan pembangunan sedang dan akan diberikan kepada sektor-sektor kecil yang mempunyai daya saing dan pulangan yang tinggi dengan mempergiatkan penyelidikan dan pembangunannya oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Sesungguhnya, kejayaan Bernas menjadi pemangkin kepada pencapaian hasrat kerajaan untuk mengeluarkan 65 peratus beras sendiri bagi memenuhi keperluan negara tahun 2010 seperti yang dihasratkan Dasar Pertanian Negara DPN) 1992-2010. Ianya juga adalah salah satu agenda nasional dalam mengisi hasrat Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia berjaya di persada dunia melalui Wawasan 2020.

(END)